

Sesi Disember 2018

Buletin JKA. Politeknik Merlimau, Melaka.

>> Go Green

Jabatan Kejuruteraan Awam

POLITEKNIK
MALAYSIA
MERLIMAU

50
JUBLI EMAS
POLITEKNIK MALAYSIA
1969 - 2019

Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Program Jabatan Kejuruteraan Awam, PMM



Sr. Mohamad Kelana bin Juwit
Ketua Jabatan kejuruteraan Awam



En. Mohd Khairulnizam bin Yunos
Ketua Program Kejuruteraan Awam



En. Faizal Adnan bin Omar
Ketua Program Seni Bina



Sr Yee Wui Chee
Ketua Program Geomatik

Kata Aluan

Sr. Mohamad Kelana bin Juwit

Salam bahagia kepada warga JKA.

Diucapkan ribuan terima kasih kepada team Buletin JKA sesi Disember 2018 kerana dapat menyiarkan berita semasa pada sesi yang lalu. Walaupun JKA sebenarnya telah menjalankan pelbagai aktiviti seperti yang telah dirancang oleh pihak jabatan dan pihak pengurusan Politeknik Merlimau.

Pendidikan ilmu kepada para pelajar di jabatan harus memenuhi cabaran dan sebarang kemungkinan pengetahuan yang terdapat di dalam dasar Revolusi Industri 4.0. Diharapkan supaya warga pendidik JKA sentiasa peka dengan situasi perkembangan teknologi semasa dan harus menyokong pendidikan yang berteraskan TVET di Malaysia. Di harapkan juga kepada warga JKA agar sentiasa dedikasi dan sabar dalam menjalankan tugas sebagai pendidik di Politeknik Merlimau.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua warga pendidik JKA kerana berjaya menjalankan tanggungjawab yang diberi dengan baik.

Ikhlas,

**Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam. Politeknik
Merlimau Melaka.**





Salam Sejahtera

Salam sejahtera kepada warga JKA

Diucapkan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa buletin kerana berjaya memenuhi ruangan ini dengan berita yang telah dipilih oleh pihak tuan dan puan, juga diucapkan ribuan kepada penyumbang berita semasa di sesi Disember 2018 daripada Kejuruteraan Awam, Senibina dan Geomatik.

Di harap dengan penghantaran dan garapan berita daripada warga JKA dapat menghidupkan budaya penulisan dan menyokong aktiviti jabatan. Apa jua artikel penulisan tuan dan puan setidak-tidaknya dapat mengisi ruang pengetahuan kepada pelajar dan warga JKA.

Semoga berita yang tersiar ini dapat memberi manfaat bersama.

Ketua Editor

Shamsul Johari b. Shaari
Pensyarah Seni Bina, JKA, PMM

Team Editor



* Pn. Juliawati binti Jama'on

** Pn. Noor Asmida binti Abu Bakar

*** Ts. Amran bin Atan

Isi Kandungan


**Kata Aluan Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam.
kata Aluan Ketua Editor
Carta Organisasi Jabatan**

Berita:

- a. Program PPI Program Seminar Geoteknik.
- b. Pelajar Seni Bina PMM Menang Bergaya Di International Design Festival (IDF2019) PUO, Ipoh Perak.
- c. DKA DAY.
- d. Survey Camp Sesi Disember 2018.
- e. Kursus GNSS Siri 1 Beri Peluang Pelajar Menggunakan Alat Pengukuran Terkini.
- f. Lawatan Pengantarabangsaan di Universiti Rajabath dan Kajian Budaya, Phuket, Thailand.

Carta Organisasi Jabatan Kejuruteraan Awam Sesi Disember 2018

CARTA ORGANISASI
TUGAS SOKONGAN AKADEMIK
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM
POLITEKNIK MERLIMAU



CATATAN: (K) - KETUA PORTFOLIO
GS : GUNA SAMA DENGAN UPS

HAZLAH MOHAMAD	JK MARLBOROUGH PELANGGAN PIM, JURUAUDIT ISO	ANAFIAH HAMZAH	JK POLYGREEN PIM	HAI ZAMALI OMAR	JK SPK KAWALAN RISIKO PIM, JURUAUDIT ISO	MOHD SHAFRIZAL MD HASSAN	PEGAWI PEMERIKSA ASET PIM, JK POLYGREEN PIM	ALVY BARTHOLOMEUS PHILIP	JK PSR
NORAI SYAH MOHAMAD	JK INSTRUKSIONAL PIM	SITI NURAZRIN SHEKH ISMAIL	JK INSTRUKSIONAL PIM	NORANI ABU BAKAR	JK e-PEMBELAJARAN PIM	FADHILLAH MOHD NASIR	JK PENGANTARABANGSAAN PIM, JK POLYGREEN PIM	SYAHIDAH SALLEH	JK POLYGREEN
SUHALA SAFIE	JK PENGANTARABANGSAAN PIM, JK INSTRUKSIONAL PIM	SARIPAH HAJI ABDULLAH	JK AKREDITASI PIM	HAJJAH ASMAH HUSSAIN	PENGERUSI JK INSTRUKSIONAL PIM	MOHD. IZWAN MD. POJAN	PEGAWI PEMERIKSA ASET PIM	Sr. YEE WUI CHEE	JURUAUDIT ISO
SITI MARLINNA CHU MOHD. RIZAL CHU	JK UPK PIM, JK 3P PIM	Sr. HALJAH ZURAINI BASARUDIN	JK e-PEMBELAJARAN PIM, JK C&T PIM	Sr. RAZALI BIN JOHARI	PENGERUSI JK KESELAMATAN PIM	NORADAWATI NORDIN	PEGAWI HEPA PIM, JK POLYGREEN PIM	NURUL AQILAH JOHAR	JURUAUDIT ISO / EKSA
NOR AZILLA WATI ZAMRI	JURUAUDIT EKSA PIM	AJU WRDAWATI PO'A	JK INSTRUKSIONAL PIM	Sr. FIRHAN BIN SALJAN	PENGERUSI e-PEMBELAJARAN PIM	Sr. HASNIZA HARUN	JK PENASIHATAN AKADEMIK PIM	HJH. NOR WARIZA JUFRI	JURUAUDIT EKSA & JK EPMBELAJARAN
NOORHASLIZAH AHMAD ROSLI	JK POLYGREEN PIM	SITI ZAWIYAH HUSSAIN	JK POLYGREEN PIM	RAHAYU ALI	JK INSTRUKSIONAL e-PEMBELAJARAN PIM & POLYGREEN PIM	JULIAWATI JAMA'ON	JK PENASIHATAN AKADEMIK PIM	HAJJAH AYATI PARMEN	JK PSR
SURAWATI JUSOH	JK INSTRUKSIONAL PIM	SHAMSUL JOHARI SHAARI	JK POLYGREEN PIM	IZALISA AHMAD	JK 3P PIM	INTAN ZURIANA BAKRI	JK POLYGREEN	NUR HIDAYAH MOHAMAD	JK KESELAMATAN

Program PPI Program Seminar Geoteknik

Pn Siti Marlinna Chu bt. Mohd Rizal Chu

Satu program pensyarah pelawat industri (PPI) bersama Jabatan Kerja Raya Johor telah dijalankan pada 12 Mac 2019 bertempat di Dewan Kuliah, Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Merlimau. Program ini dianjurkan oleh Unit Kejuruteraan Awam untuk pelajar DKA3A & DKA3B.

Program Seminar Geoteknik ini diadakan bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar tentang topik yang terdapat dalam kursus Geotechnical Engineering iaitu Penyiasatan Tapak dan Tembok Penahan. Program ini juga dapat memberikan pengalaman berkaitan kerja-kerja kejuruteraan awam yang melibatkan permasalahan dalam kejuruteraan geoteknik dan pengetahuan yang lebih jelas mengenai kepentingan tembok penahan dan ketabihan cerun. Sasaran utama kursus ini adalah pelajar Semester 3, Diploma Kejuruteraan Awam, yang mengambil kursus DCC3103 : Geotechnical Engineering.

Melalui program ini pelajar memperoleh pengetahuan mengenai prosedur kerja bagi penyiasatan tapak dan tembok penahan yang bergantung kepada jenis projek yang bakal dilaksanakan. Kursus-kursus seperti ini juga diharapkan akan dapat melahirkan pelajar-pelajar yang bertanggungjawab dalam mematuhi etika profesionalisma dan bertanggungjawab dalam amalan prosedur semasa mereka menghadapi cabaran berkerjaya. Semoga dengan program PPI ini akan dapat melahirkan graduan yang mampu memenuhi kriteria pihak industri dan meningkatkan lagi imej politeknik dalam menghasilkan graduan yang dapat memenuhi pasaran kerja setanding pelajar-pelajar di IPT lain.

Terima kasih sekali lagi kepada Jabatan Kejuruteraan Awam dan Unit Kejuruteraan Awam serta pensyarah yang terlibat iaitu En Mohd Khairulnizam bin Yunus, Pn Suhaila Binti Safie, Pn Nor Wariza Binti Jufri dan En Anafiah Bin Hamzah dalam menjayakan program ini. Semoga program seperti ini dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang.



Barisan pensyarah dan pelajar tekun mendengar pendedahan ilmu daripada pegawai daripada Jabatan Kerja Raya Johor

Pelajar Seni Bina PMM Menang Bergaya Di International Design Festival (IDF2019) PUO, Ipoh Perak

Ts. Amran b. Atan

Julungkali pertandingan rekabentuk senibina Politeknik Malaysia yang berstatus antabangsa telah berlangsung di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak pada 15-18 Jun 2019. Bersama penglibatan universiti dari Thailand dan lain-lain Politeknik Malaysia serta kolej komuniti bertarung dalam pertandingan rekabentuk senibina dan program-program kreatif yang lain. Politeknik Merlimau, Melaka telah disertai oleh 20 orang pelajar dan 9 orang pelajar sokongan.

Di akhir program tersebut rekabentuk pelajar senibina PMM telah memperolehi tempat pertama dalam rekabentuk utama iaitu Booth Display serta Heritage. Manakala dalam subjek Design 3 juga, PMM memperolehi tempat pertama. PMM memperolehi tempat kedua dalam subjek Design 4, 3 dan tempat ke 3 dalam Design 2 serta pertandingan Cinematic. PMM juga menjadi juara keseluruhan dengan 7 award yang telah diterima. Tahniah PMM!

Penyertaan pelajar dari Program Senibina terdiri daripada pelajar semester 4 (mengetuai), pelajar semester 3 dan pelajar semester 2. Pensyarah pengiring diketuai oleh En. Shamsul Johari b. Shaari, En Mohd Shafrizal b.Md Hassan dan Pn Fadhillah bt. Mohd Nasir serta pensyarah sokongan Pn Izalisa bt Ahmad

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Ketua Jabatan Kej. Awam, Kpro Senibina dan semua pensyarah senibina PMM yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Syabas Senibina PMM.



Antara hasil karya pelajar dan senarai award yang telah dimenangi?



Gambar peserta@pelajar senibina Politeknik Malaysia dalam pertandingan IDF2019

DKA DAY

Juliawati bt. Jama'on

Program DKA Day bersama Unit Psikologi dan Kerjaya telah dijalankan pada 10 APRIL 2019 bertempat di Dewan Platinum dan Dataran Kantin Delima, Politeknik Merlimau. Program ini dianjurkan oleh Unit Kejuruteraan Awam untuk semua pelajar dan pensyarah DKA. Program ini melibatkan 28 staf dan 386 pelajar DKA.

Program DKA Day ini diadakan bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada pelajar DKA untuk menimba pengalaman dalam berorganisasi. Program ini juga dapat mempersiapkan para pelajar dari segi rohani dan jasmani bagi menghadapi peperiksaan akhir. Selain itu ianya dapat mengeratkan lagi ukhuwah di antara pelajar-pelajar DKA mahupun antara pelajar dan pensyarah. Program seperti ini juga mampu memupuk semangat kerjasama diantara pelajar dan pensyarah dalam suasana kerja yang professional.

Program DKA Day sesi Dis 2018 bertemakan Let's Move On telah berjaya dilaksanakan dengan gabungan kerjasama jawatankuasa pelajar yang menguruskan program dengan seliaan penasihat yang terdiri daripada pensyarah. Program ini dihidupkan dengan aktiviti sukaneka, pertandingan ARCA dan slot motivasi bertajuk menghargai masa dan orang lain serta persiapan menghadapi peperiksaan. Setiap aktiviti dijalankan secara berkumpulan dan dikendalikan oleh pelajar semester lima secara keseluruhannya.

Semua pelajar dan pensyarah terlibat secara menyeluruh dalam setiap aktiviti yang dibuat. Justeru itu, program ini dapat menerapkan nilai-nilai insaniah dan kerjasama berkumpulan serta penerapan nilai akhlak yang baik seperti menghormati pendidik dan menghargai ilmu yang telah diperolehi.



Sesi bergambar pensyarah dan pelajar DKA bersama ketua jabatan dan gambar aktiviti pada hari DKA DAY

Survey Camp Sesi Disember 2018

Juliawati bt. Jama'on

D'Qnut Chalet Kuala Linggi, Melaka menyaksikan berlangsungnya Program Latihan Khemah Ukur (Survey Camp) melibatkan 23 orang pelajar semester 5 Diploma Geomatik, Politeknik Merlimau pada 28 Mac hingga 6 April 2019. Seramai 8 orang pensyarah pengiring dari Program Geomatik turut terlibat di sepanjang program ini berlangsung. DCG6231 (Survey Camp) merupakan salah satu kursus wajib di dalam Program Diploma Geomatik yang perlu dilengkapkan sebelum para pelajar dianugerahkan Diploma. Kursus ini memperuntukkan kemahiran kerja padang (fieldwork) dalam bidang kadaster, kejuruteraan, Global Navigation Satellite System (GNSS) dan hidrografi selama 80 jam secara keseluruhan. Ia merangkumi kerja pengukuran di lapangan dari aspek perancangan, pengukuran kawalan, pengambilan butiran sehingga penghasilan pelan.

Secara keseluruhannya, dalam program Survey Camp ini pelajar dipecahkan dalam kumpulan masing-masing terlibat dalam kerja-kerja seperti ukur terabas, pengukuran lot-lot tanah, penentuan koordinat dengan menggunakan peralatan GNSS, pengambilan butiran untuk pemelotan dan pengukuran bangunan sedia ada (as-built).

Selain daripada itu, kerja-kerja hidrografi turut dijalankan di sekitar pantai Kuala Linggi melibatkan kerja-kerja seperti cerapan pasang surut, pemindahan datum, kutipan data topografi, proses pemeruman (sounding) dan penghasilan carta Batimetri. Juruukur Perunding telah dilantik sebagai konsultan untuk mengendalikan kerja-kerja hidrografi di sepanjang pantai Pengkalan Balak kerana mempunyai peralatan yang bersesuaian dan berpengalaman luas dalam kerja-kerja sebenar berkaitan bidang hidrografi. Kesimpulannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan memberikan manfaat yang berguna kepada para pelajar. Pelajar telah didedahkan dengan kerja sebenar di lapangan berkaitan dengan kerja-kerja pengukuran kejuruteraan, kadaster dan hidrografi untuk meningkatkan kemahiran serta keyakinan para pelajar dalam menyelesaikan permasalahan di padang dengan suasana pembelajaran yang berbeza.



Gambar 1: Pensyarah, konsultan dan pelajar yang terlibat dalam Program Latihan Khemah Ukur.



Gambar 2: Persediaan awal sebelum memulakan kerja ukur.



Gambar 3: Kerja-kerja ukur hidrografi sepanjang jeti pantai Pengkalan Balak.

Kursus GNSS Siri 1 Beri Peluang Pelajar Menggunakan Alat Pengukuran Terkini

Juliawati bt. Jama'on

Program Diploma Geomatik sentiasa mengambil peluang menyemarakkan agenda tranformasi politeknik dengan menjalin hubungan kolaborasi bersama pihak luar khususnya pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang Geomatik. Seramai 78 orang pelajar yang mengambil kursus Geodesy 1 dan Geodesy 2 iaitu pelajar semester 3, 4 dan 5 telah diberi pendedahan kepada peralatan pengukuran terkini iaitu Global Navigation Satelite System (GNSS) dalam satu Kursus GNSS Siri 1 yang dikendalikan oleh Syarikat Sky-Shine Corporation (M) Sdn. Bhd bertempat di Politeknik Merlimau pada 26 Mac 2019.

Sepanjang kursus in, pelajar berkesempatan mengendalikan, mengumpul serta memproses data menggunakan peralatan GNSS. Wakil Syarikat Sky-Shine Corporation (M) Sdn. Bhd , Encik Bahari Bin Baharuddin telah menyampaikan taklimat kepada peserta kursus dan menunjukkan amali penggunaan alat GNSS di lapangan. Semua peserta kursus dan pensyarah terlibat telah mendapat manfaat selepas menghadiri kursus ini.



Gambar 1: Bergambar selepas tamat kursus.



Gambar 2: Amali penggunaan alat GNSS di lapangan



Gambar 3: Amali penggunaan alat GNSS di lapangan

Lawatan Pengantarabangsaan di Universiti Rajabath dan Kajian Budaya, Phuket, Thailand

Ts Amran b. Atan

Pada 10-13 Januari 2019, satu program lawatan pengantarabangsaan telah berjaya dilaksanakan oleh pelajar daripada program senibina semester 4, Politeknik Merlimau ke Universiti Rajabath, Phuket, Thailand dan lain-lain tempat di sekitarnya. Antara objektif lawatan ini ialah:

- . Memenuhi objektif kursus Rekabentuk 3, Digital Imaging, Building Services dan Measured Drawing.
- . Menambah ilmu pengetahuan dan perbandingan senibina dan budaya antara dua negara.
- . Mengukuhkan hubungan dua hala antara pelajar Universiti Rajabath dan pelajar senibina PMM

Seramai hampir 30 orang pelajar semester 4 dan Pensyarah pengiring yang terlibat dengan program ini. pensyarah yang terlibat ialah Mohd En. Shafrizal bin Md Hassan, Cik Aini bt Bakar, Pn.Fadhillah bt Mod Nasir serta En. Shamsul Johari bin Shaari.

Hasil daripada program ini pelajar dapat memahami dengan jelas tentang hubungan budaya dan senibina yang berbeza diantara dua negara. Pengalaman yang dikutip di negara jiran ini sangatlah berharga dari sudut pendidikan malah memberi pengalaman hidup kepada pelajar yang belum pernah ke negara jiran. Mudahan aktiviti sebegini dapat dijalankan pada masa akan datang. Sokongan daripada ketua program, ketua jabatan, pengurusan Politeknik Merlimau amatlah dialu-alukan.



Barisan pelajar dan pensyarah bersama-sama menimba ilmu di Universiti Rajabath dan sekitar Phuket, Thailand

Galeri Buletin JKA Sesi Disember 2018



Kata Aluan Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam.
kata Aluan Ketua Editor
Carta Organisasi Jabatan



Isi Kandungan

Berita:

- a. Program PPI Program Seminar Geoteknik.
- b. Pelajar Seni Bina PMM Menang Bergaya Di International Design Festival (IDF2019) PUO, Ipoh Perak.
- c. DKA DAY.
- d. Survey Camp Sesi Disember 2018.
- e. Kursus GNSS Siri 1 Beri Peluang Pelajar Menggunakan Alat Pengukuran Terkini
- f. Lawatan Pengantarabangsa di Universiti Rajabath dan Kajian Budaya, Phuket, Thailand.

Jabatan Kejuruteraan Awam



Sesi Disember 2018

